

# Keselamatan anak semakin diabaikan

**Kuala Lumpur:** Soal keselamatan kanak-kanak kini seolah-olah menjadi isu sekunder bagi ibu bapa, berbanding kecemerlangan pendidikan, tingkah laku dan kemahiran sosial, kata pakar.

Walhal, kata Presiden Lembaga Kaunselor Malaysia, Prof Madya Dr Mohamed Fadzil Che Din, era moden kini menuntut ibu bapa dan penjaga agar memberi lebih tumpuan dalam soal keselamatan kanak-kanak.

“Ibu bapa perlu sedar, kanak-kanak sekarang membesar dalam persekitaran moden yang menjadikan mereka

aktif, lincah, disertai imaginasi dan fantasi yang meluas, namun ini mendedahkan mereka kepada risiko bahaya yang lebih tinggi.

## **Keselamatan isu sekunder**

“Ia (isu keselamatan) hanya akan timbul apabila ada insiden tidak diingini yang meragut nyawa kanak-kanak. Ketika itu, semuanya sudah terlambat,”katanya, di sini semalam.

Sambil mengakui tidak wajar menyekat daya imaginasi kanak-kanak yang sedang membesar, Mohamed Fadzil berkata, apa yang boleh di-



*Dr Mohamed Fadzil Che Din*

lakukan oleh ibu bapa ialah melipatgandakan kawalan dan keselamatan, selain berfikir melebihi imaginasi kanak-kanak.

Merujuk kejadian dua kanak-kanak yang masing-masing mati dibunuh dan jatuh dari aras tiga sebuah pusat beli-belah di ibu negara minggu lalu, beliau berkata, insiden itu menunjukkan betapa pentingnya ibu bapa tidak leka dalam mengawal keselamatan anak-anak, terutama dalam kelompok usia enam hingga 10 tahun.

“Pada peringkat usia ini, mereka lebih aktif, suka berimaginasi tanpa memikirkan akibat daripada perbuatan mereka,” katanya yang turut meminta ibu bapa mengikis persepsi bahawa tempat awam yang cantik dan dikunjungi ramai, adalah tempat yang sesuai dan selamat untuk kanak-kanak.

Sementara itu, Pengerusi Yayasan Kebajikan Negara (YKN), Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata langkah keselamatan kanak-kanak kini jauh berbeza berbanding dulu kerana mereka tidak hanya terperuk di rumah, sebaliknya dibawa ibu bapa ke pelbagai destinasi.

“Kalau dahulu, keselamatan kanak-kanak berkisar di rumah, sekolah dan kawasan berhampiran, di bandar juga jarang-jarang, tetapi zaman kini kanak-kanak dibawa ke merata tempat dan seharusnya keselamatan menjadi faktor utama serta perlu dititikberatkan,” katanya.

**BERNAMA**